



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

LAWATAN YB MENTERI NRECC KE PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) TAMAN SIAKAP, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah mengadakan lawatan kerja ke Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Taman Siakap, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Kejadian banjir yang sering berlaku di taman ini berpunca daripada limpahan air dari Parit Estet iaitu parit utama di Taman Siakap disebabkan saiz parit yang kecil, aras tebing yang rendah, dan kapasiti rumah pam sedia ada tidak mampu mengepam air ke Sungai Pertama. Selain itu, terdapat pemetung di Lebuhraya Kurau yang juga mengganggu aliran air daripada hulu ke hilir Parit Estet.

Dalam usaha mengurangkan risiko kejadian banjir di kawasan Taman Siakap dan Taman Supreme bersebelahan, NRECC melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah menjalankan proses rekabentuk terperinci melalui peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Manakala, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM20juta dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (*Rolling Plan 1*) untuk melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Taman Siakap, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Inisiatif kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan ini dikenali sebagai *Projek Hybrid* seperti mana kejayaan projek RTB Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2021.

Komponen utama projek adalah kerja menaik taraf dua (2) buah rumah pam, pembinaan *flood wall*, menaik taraf pemetung Lebuhraya Kurau kepada jambatan serta kerja-kerja berkaitan. Projek ini menyediakan tahap perlindungan banjir sehingga 100 *Average Recurrence Interval* (ARI) dan akan memberi manfaat kepada 8,000 orang penduduk di dalam kawasan sub-lembangan tersebut. Projek telah bermula pada 21 Ogos 2023 dan dijangka siap pada 20 Ogos 2025.

Selain itu, Projek Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pinang sedang dalam pelaksanaan dengan kos sebanyak RM114.8juta manakala sebanyak empat (4) projek tebatan banjir sedang dalam peringkat Pra Pelaksanaan iaitu RTB Sungai Kechil di Daerah Seberang Perai Selatan, RTB Banjir Teluk Bahang di Daerah Barat Daya, RTB Pondok Upeh/Sg. Burung di Daerah Barat Daya dan RTB Sungai Dua Besar di Daerah Timur Laut. Satu (1) projek sedang dalam proses pengiklanan, satu (1) projek dijangka tender pada 30 Disember 2023; manakala dua (2) projek lagi dijangka tender pada tahun 2024.

Sebagai tanda keprihatinan dalam kesiapsiagaan menghadapi fasa Monsun Timur Laut 2023/2024, JPS Pulau Pinang telah diperuntukkan sebanyak RM5juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kerja-kerja kecemasan luar jangka. Sebanyak 58 kerja-kerja kecemasan luar jangka yang melibatkan skop memulihkan sistem saluran/perparitan, memulihkan jalan/jambatan dan memulihkan struktur kawalan banjir untuk pelbagai daerah telah dilaksanakan. Daripada jumlah itu, 22 kerja telah siap dilaksanakan manakala 36 kerja lagi sedang dalam pelaksanaan. Dijangka seramai 5,600 penduduk Negeri Pulau Pinang akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan kerja-kerja kecemasan luar jangka ini.

Kementerian dan Jabatan sentiasa komited dalam memastikan semua perancangan dan pelaksanaan Projek Tebatan Banjir di Negeri Pulau Pinang dilaksanakan mengikut jadual bagi memastikan kesejahteraan rakyat serta peningkatan ekonomi Negeri Pulau Pinang.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

8 NOVEMBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia